

A member of **UEM Group**

UNIT KEJURUTERAAN

LAPORAN TAHUNAN 2016



ISI KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN/LATAR BELAKANG.....	100
2. VISI	100
3. MISI.....	100
4. OBJEKTIF.....	101
4.1 OBJEKTIF BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (BPK)	101
4.2 OBJEKTIF UNIT KEJURUTERAAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT.....	101
5. CARTA ORGANISASI	102
6. NORMA KERJA.....	103
7. SENARAI BORANG YANG DIGUNAKAN	104
8. JUMLAH DEDUCTION (RM) BAGI BULAN JANUARI 2016 SEHINGGA NOVEMBER 2016	105
9. PELAKSANAAN PROJEK BAGI TAHUN 2016	106
10. KESIMPULAN.....	107

1. PENDAHULUAN/LATAR BELAKANG

Unit Kejuruteraan Operasi di Hospital Sungai Siput telah ditubuhkan untuk mengawalselia perkhidmatan sokongan di hospital oleh syarikat konsesi Edgenta Medi-Serve Sdn.Bhd.

Tugas mengawalselia telah dijalankan oleh pihak Sistem Hospital Awasan Taraf Sdn. Bhd. (SIHAT) sejak penswastan sehingga 31 Oktober 2011. Tugas-tugas yang merangkumi pemantauan dan perundingan (khidmat nasihat) telah diambil alih sepenuhnya oleh Unit Kejuruteraan di hospital-hospital negeri bermula 1 November 2011. Di Hospital Sungai Siput, Unit ini diketuai oleh Penolong Jurutera (Gred J29) bagi memantau kawalselia perkhidmatan sokongan di hospital.

2. VISI

Menyediakan organisasi terdiri daripada pasukan kerja professional yang cekap dan berkemahiran tinggi dalam penyediaan perkhidmatan kejuruteraan dan saintifik yang berkualiti dan berinovatif di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. MISI

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada:

- i. Pembangunan dasar yang berkaitan dengan kesihatan persekitaran, perkhidmatan kejuruteraan fasiliti kesihatan dan keselamatan sinaran.
- ii. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti kesihatan persekitaran, perkhidmatan kejuruteraan fasiliti kesihatan dan perkhidmatan sokongan institusi kesihatan.
- iii. Penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, berhubung dengan penggunaan sinaran mengion dalam perubatan.

4. OBJEKTIF

4.1 OBJEKTIF BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (BPK)


- i. Merancang dan melaksanakan program-program di bawah BPK.
- ii. Memastikan bahawa Program Pemantauan Kualiti Air Minum Kebangsaan dilaksanakan secara berkesan dalam memastikan keselamatan kesihatan pengguna.
- iii. Memastikan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling Luar Bandar dilaksanakan secara berkesan.
- iv. Melaksanakan projek baru dan naiktaraf kemudahan kesihatan dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui tatacara pengurusan projek yang berkualiti, dengan mengambil kira keseluruhan aspek kejuruteraan dan keperluan peralatan perubahan.
- v. Memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan dan saintifik di bawah bidang tanggungjawab BPK.
- vi. Menyedia dan memantau pelaksanaan program penyelenggaraan kejuruteraan di institusi kesihatan.
- vii. Menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan peraturan-peraturan berkaitan bagi maksud perubahan untuk memastikan penggunaan sinaran mengion secara selamat, berkesan dan optimum kepada pesakit, pekerja dan orang awam.
- viii. Memastikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta memenuhi dan mematuhi kehendak – kehendak kejuruteraan di dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)

4.2 OBJEKTIF UNIT KEJURUTERAAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

- i. Pemantauan pelaksanaan penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bagi enam perkhidmatan iaitu *Facility Management Services (FMS)*, *Facilities Engineering Maintenance Services (FEMS)*, *Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)*, *Cleansing Services (CLS)*, *Healthcare Waste Management Services (HWMS)* dan *Linen and Laundry Services (LLS)* agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak yang termaktub dalam Perjanjian Konsesi.

- ii. Memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan bidang kejuruteraan termasuk menghadiri sesi *Testing and Commissioning* (T&C) untuk skop kerja di bawah projek-projek pembangunan, pembaikan dan naik taraf di hospital.
- iii. Menilai tahap prestasi perkhidmatan syarikat konsesi/perunding dalam tempoh enam (6) bulan.

5. CARTA ORGANISASI



6. NORMA KERJA

Bil	Jenis Kerja	Tempoh Masa / Pengukuran Prestasi
1.	Lawatan berjadual ke Hospital / Institusi.	8 lawatan ke semua hospital / institusi di seluruh negeri Perak setiap bulan.
2.	Mesyuarat bersama syarikat konsesi dan pihak hospital mengenai perkhidmatan sokongan hospital.	Apabila diminta dan ada keperluan.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal / Sebutharga di hospital/institusi.	Apabila diminta dan ada keperluan.
4.	Memantau perjalanan / pelaksanaan projek di hospital / institusi.	Apabila diminta dan ada keperluan.
5.	Pemeriksaan dan pengesahan laporan dalam CMIS menggunakan <i>checklist</i> yang bersesuaian.	Apabila diminta dan ada keperluan.
6.	Sesi perbincangan, tindakan dan maklumbalas berhubung surat aduan / permohonan dari pihak hospital.	2 minggu dari tarikh surat aduan / permohonan diterima.
7.	Sesi perbincangan, tindakan dan maklumbalas berhubung surat – surat berkenaan penswastan khidmat sokongan hospital dari Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan.	2 minggu dari tarikh surat aduan / permohonan diterima.

7. SENARAI BORANG YANG DIGUNAKAN

1. Untuk tugas rasmi;
 - Borang Permohonan Penggunaan Kenderaan
 - Borang Permohonan Untuk Bertugas di Luar Pejabat
 - Borang Permohonan Cuti Rehat
 - Surat Pengenalan dan Akuan untuk Rawatan (*Guarantee Letter, GL*)

2. Untuk tujuan pemeriksaan;
 - *Field Inspection Checklist*
 - *Joint Inspection Checklist*
 - *Weekly Joint Inspection Summary Report*

3. Untuk tujuan *Variation Order*;
 - Notis Perubahan Perkhidmatan (VNF)
 - Notis untuk Mula/Tamat Perkhidmatan (SNF)
 - *Variation Verification Forms (VVF)*
 - *Summary Report on Variation under BEMS*
 - *Report on Variations under CLS*
 - *Report on Variation under FEMS*
 - *Addendum to Schedule 3 Installed Facilities*
 - *Amendment to Schedule 7*

4. Untuk tujuan *Deduction*;
 - *Verification Report for Work Completion*


5. Untuk tujuan pengeluaran Sijil PEP
 - Borang BER1
 - Borang BER2

8. JUMLAH DEDUCTION (RM) BAGI BULAN JANUARI 2016 SEHINGGA NOVEMBER 2016

Jadual 1 dan Graf 1 menunjukkan jumlah *deduction* bagi bulan Januari sehingga November 2016.

BULAN	FMS (RM)	FEMS (RM)	BEMS (RM)	CLS (RM)	LLS (RM)	HWMS (RM)
JAN 2016	0	154.00	0	2,195.54	0	0
FEB 2016	496.00	185.60	0	1,454.08	0	0
MAC 2016	91.16	432.40	0	1,894.64	0	0
APR 2016	19.72	89.246	0	1,248.98	0	0
MEI 2016	20.52	34.96	0	2,191.60	0	0
JUN 2016	19.04	100.80	0	2,472.84	0	0
JUL 2016	18.70	24.64	0	1,137.14	0	0
AUG 2016	579.70	31.68	0	1,099.26	0	0
SEP 2016	513.00	23.40	0	1,326.66	0	0
OCT 2016	341.00	17.60	0	1,159.68	0	0
NOV 2016	330.00	20.70	250.00	1,297.10	0	0
DEC 2016	Belum dilaksanakan					

Jadual 1 : Jumlah Deduction (RM) Bagi Bulan Januari Sehingga November 2016



Graf 1 : Jumlah Deduction (RM) Bagi Bulan Januari Sehingga November 2016

9. PELAKSANAAN PROJEK BAGI TAHUN 2016

Bil.	Tajuk/Penerangan Projek
1	Kerja - Kerja Penyelenggaraan, Membekal Dan Memasang 'Feeder Pillar' 60A TPN Di Kawasan Klinik Methadone
2	Kerja - Kerja Pendawaian Elektrik Tambahan Untuk Mata Soket Di Wad 2
3	Kerja - Kerja Pendawaian Elektrik Tambahan Untuk Mata Soket Di Unit Kecemasan Dan Trauma
4	Kerja - Kerja Pendawaian Elektrik Tambahan Untuk Mata Soket Di Stor Perubatan
5	Kerja - Kerja Pendawaian Elektrik Tambahan Untuk Mata Soket Di Jabatan Pesakit Luar
6	Kerja - Kerja Pembaikan Kenderaan Ambulan BKJ 409
7	Kerja - Kerja Membekal Dan Memasang Kepingan – Kepingan PVC Di Tandas – Tandas HSS
8	Kerja - Kerja Pendawaian Elektrik Tambahan Untuk Mata Soket Di Bilik Gerakan Bencana HSS

10. KESIMPULAN

Semua aktiviti yang dirancang telah dicapai dengan jayanya dengan kerjasama semua pihak hospital yang terlibat. Walau bagaimanapun, beberapa perkara masih perlu ditambahbaik demi memantapkan lagi program kawalselia perkhidmatan sokongan hospital di Hospital Sungai Siput. Berbagai-bagai langkah lebih proaktif akan dilaksanakan pada tahun akan datang bagi meningkatkan prestasi syarikat konsesi dan seterusnya memantapkan perkhidmatan yang diberikan oleh hospital-hospital Kerajaan kepada rakyat.

Disediakan Oleh:

*Farah Syazwani Binti Mohamad Fadel
Penolong Jurutera Gred J29,
Unit Kejuruteraan,
Hospital Sungai Siput.*